



DUNGUN



JAN- JUN 2019

EDISI 01



MS 03

MAJLIS PENGANUGERAHAN
SIJIL PENARAFAN BINTANG
BAGI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (SPB-PBT) 2018

MS 04-05

LIZAN BIN CHE MAT
ANGKAT SUMPAH SEBAGAI
YANG DIPERTUA BAHARU

MS 08

TANDAS AWAM RANTAU
ABANG DIKTIRAF TERBAIK
ASEAN

ISI KANDUNGAN

MPD RAIH 5 BINTANG “STAR RATING”	MS 3
TUAN HAJI LIZAN BIN CHE MAT ANGKAT SUMPAH SEBAGAI YDP BAHARU	MS 4 MS 5
JASAMU DIKENANG	MS 5
KUNJUNGAN HORMAT YDP KE JABATAN KERAJAAN TEMPATAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT	MS 6
TANDAS AWAM RANTAU ABANG MENERIMA ANUGERAH ASEAN PUBLIC TOILET STANDARD (2019-2021)	MS 7
PROGRAM PEMANTAUAN POTENSI DAN CABARAN MEMAJUKAN PULAU TENGKOL OLEH MPD AKTIVITI KONVOI BERMOTOSIKAL KE CAMERON HIGHLAND	MS 8
MAJLIS PELANCARAN BUKU GARIS PANDUAN (SPRM)	MS 9
MESYUARAT AGUNG KESUMA	MS 10
TERENGGANU GO CLEAN 2019	MS 11
OPERASI MEMBUANG BANNER HARAM	MS 12
MAJLIS PELANCARAN PASAR TANI PRA SYAWAL KURSUS MANUAL MANUAL KEBERSIHAN TANDAS AWAM ZON	MS 13
PROGRAM SINGGAH SAHUR TAZKIRAH USTAZ JAMALUDDIN BIN JUSOH	MS 14
CERAMAH UAI (INTEGRITI PENJAWAT AWAM)	MS 15
PERJUMPAAN TUAN YDP BERSAMA PENGUSAHA HOMESTAY DAN RUMAH TUMPANGAN DAERAH	MS 16
MPD FC TELAH MENEWASKAN PASUKAN DUNGUN COPS FC	MS 17
SAMBUTAN ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULAN APRIL DAN MEI & HARI RAYA 2019 JAMUAN RAYA PERDANA 2019	MS 18 MS 19
GOTONG ROYONG DI MEDAN SELERA IKAN BAKAR LATIHAN KEBAKARAN TAKLIMAT JPJ	MS 20
OPERASI PENGENDALIAN MAKANAN DI BAZAR SURA GATE OPERASI PENGESAHAN LESEN	MS 21

Dari Meja Yang di-Pertua


Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana telah memberi keizinan kepada kita untuk melangkah ke tahun baru ini. Tahun 2018 telah pun melabuhkan tirainya. Saya berdoa agar tahun 2019 ini akan lebih bermanfaat serta menjadi lembaran baru buat seluruh warga MPD amnya. Sedar tak sedar, tahun 2018 berlalu dengan pantas meski pun banyak cabaran dan dugaan telah pun kita lalui. MPD juga telah melangkah jauh untuk meneruskan agenda yang telah ditetapkan.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MPD yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018. Sesungguhnya warga MPD mempunyai komitmen yang amat tinggi dalam melaksanakan tugas terutamanya dalam melaksanakan semua aktiviti dan program MPD dengan jayanya. **TAHNIAH** diucapkan!

Oleh itu, saya berharap pada tahun 2019 ini kita dapat meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan MPD dan marilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam memajukan MPD ke peringkat antarabangsa. Saya bukan ingin bercakap kosong namun biarlah matlamat yang ingin dicapai dan sasaran kita tinggi agar kita semua berusaha untuk mencapai ke arah matlamat yang ditetapkan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru 2019". Sekian, terima kasih.



LIZAN BIN CHE MAT
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

PENAUNG
TUAN HAJI LIZAN BIN CHE MAT
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

PENASIHAT
TUAN HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH
SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

KETUA EDITOR
WAN NABILA AISHA BINTI WAN BAKHRI
PEGAWAI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

PENOLONG KETUA EDITOR
MOHD IZZAT FIKRI BIN ABDULLAH
MOHD ZULFADHLI BIN ARIFIN

JURUGAMBAR
TENGKU MOHAMMAD HAFIROL BIN TENGKU MAHAMUD

Buletin ini diterbitkan oleh
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM,
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
Jalan Yahya Ahmad,
23000 Dungun, Terengganu.

✉ mpdungun@terengganu.gov.my

☎ Tel : 09-8481931

☎ Fax : 09-8483210

🌐 mpd.terengganu.gov.my

📘 facebook.com/mpdungun

🐦 twitter.com/mpdungun





MPD RAIH 5 BINTANG "STAR RATING"



MEI 29 • KUALA TERENGGANU •

Majlis Perbandaran Dungun telah menerima lima (5) bintang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam Majlis Penganugerahan Sijil Penarafan Bintang Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (SPB — PBT) 2018 telah diadakan di Wisma Darul Iman pada 29 Mei 2019.

Anugerah ini disampaikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' A.Rahman bin Yahya kepada Yang Dipertua MPD, Tuan Haji Lizan bin Che Mat.

Turut menerima 5 bintang bagi anugerah ini adalah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Perbandaran Kemaman.

**TAHNIAH
WARGA KERJA
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN!**



LIZAN BIN CHE MAT

ANGKAT SUMPAH SEBAGAI

YANG DIPERTUA BAHARU

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

NAMA : TUAN HAJI LIZAN BIN CHE MAT
TARIKH LAHIR : 09 MAC 1969
PENDIDIKAN : IJAZAH SARJANA MUDA
KEJURUTERAAN GEOMATIK
ANUGERAH : PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)
: AHLI MAHKOTA TERENGGANU (A.M.T.)

PENGALAMAN BERKHIDMAT:

PEJABAT TANAH SETIU (2005)

PEJABAT DAERAH SETIU (2006)

MAJLIS DAERAH MARANG (2010)

PEJABAT DAERAH SETIU (2012)

PEJABAT PENGARAH TANAH &
GALIAN NEGERI TERENGGANU
(2015)

PEJABAT DAERAH KUALA NERUS
(2016)

PEJABAT TANAH DUNGUN
(2016)





Januari 16 •

Tuan Haji Lizan bin Che Mat mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD) yang baharu di hadapan Menteri Besar Terengganu; YAB Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar di Wisma Darul Iman pada hari ini. Beliau yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Ketua Penolong Pentadbir Tanah (KPPT) di Pejabat Tanah Dungun menggantikan Encik Osman bin A. Bakar yang bertukar ke Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman sebagai Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah.

Kedua-duanya adalah antara 95 orang pegawai tadbir kanan kerajaan negeri terlibat dalam pertukaran bagi memantapkan lagi urusan pentadbiran negeri.



Semoga kehadiran Tuan Haji Lizan akan menjadi pemangkin peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan MPD demi kesejahteraan warga Dungun.



JASAMU DIKENANG

Majlis Perbandaran Dungun pada hari ini meraikan Yang Dipertua; Osman bin A Bakar yang akan bertukar ke Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman sebagai Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah bermula esok.

Seramai 95 pegawai tadbir kanan kerajaan negeri terlibat dalam pertukaran bagi memantapkan lagi urusan pentadbiran negeri.

Osman bin A. Bakar mula berkhidmat di Majlis Perbandaran Dungun pada 1 Januari 2018 sehingga hari ini. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu, Yang Dipertua Kemaman & Pengarah Bajet Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu.

Turut diraikan adalah Penolong Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH); Siti Rohayu binti Mohd Fuad yang akan kembali ke jabatan asal di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Cawangan Chukai bermula esok.

Pertukaran kedua-dua ketua jabatan Majlis Perbandaran Dungun ini amat dirasai oleh warga kerja Majlis Perbandaran Dungun kerana komitmen dan kesungguhan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.



KUNJUNGAN HORMAT YDP KE JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



Mac 14 •

Terima kasih Dato' Noor-Ihsan bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) serta warga kerja JKT atas layanan mesra sepanjang Yang Dipertua & pegawai Majlis Perbandaran Dungun di sana.

PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

April 23 •

Warga kerja Majlis Perbandaran Dungun meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca sempena program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.





TANDAS AWAM RANTAU ABANG MENERIMA ANUGERAH ASEAN PUBLIC TOILET STANDARD (2019-2021)



19 JANUARI 2019

Tandas Awam Rantau Abang merupakan salah satu daripada lima tandas yang diiktiraf sebagai tandas terbaik dalam kategori ASEAN Public Toilet Standard 2019 – 2021 sempena ASEAN Tourism Forum 2019 yang diadakan di Ha Long City, Vietnam, semalam.

Sebanyak 16 tandas awam dari seluruh Malaysia tercalon untuk penganugerahan tersebut dan tandas awam Rantau Abang merupakan satu-satunya tandas dari Pantai Timur yang tersenarai daripada lima tandas terbaik bagi kategori tersebut.



Turut terpilih adalah tandas awam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), tandas awam restoran Foh San dari Perak, tandas Masjid Cina Melaka, dan tandas awam Plaza Merdeka, Sarawak.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi.



Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun (MPD) berkata, anugerah tersebut merupakan satu pengiktirafan kepada MPD selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menyelia tandas Rantau Abang dan juga seluruh warga Dungun.

“Anugerah ini merupakan sesuatu yang membanggakan kerana ianya menunjukkan bahawa rakyat Terengganu khususnya dan Dungun khasnya bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan tandas di negeri ini sentiasa bersih serta bebas dari vandalisme.

“Ianya juga dapat menyedarkan masyarakat bahawa kebersihan tandas adalah tanggungjawab kita bersama.

“Saya berharap agar masyarakat dapat menggunakan harta benda awam dengan lebih berhemah supaya kemudahan yang disediakan dapat dinikmati semua,” katanya.





PROGRAM PEMANTAUAN POTENSI DAN CABARAN MEMAJUKAN PULAU TENGGOLO OLEH MPD

20.03.2019



AKTIVITI KONVOI BERMOTOSIKAL KE TANAH TINGGI CAMERON

April 4 · Konvoi KESUMA ke Tanah Tinggi Cameron

Sebanyak 35 warga kerja Majlis Perbandaran Dungun menyertai Konvoi Santai Bikers ke Tanah Tinggi Cameron pada 4 hingga 6 April 2019.

Program julung kali anjuran Kelab Sukan & Kebajikan Majlis Perbandaran Dungun (KESUMA) membabitkan perjalanan sejauh 383 kilometer ini bertujuan merapatkan ukhuwah antara ahli-ahli kelab yang terdiri daripada peminat motosikal. Selain itu, ianya merupakan salah satu pengisian aktiviti bagi ahli KESUMA untuk tahun 2019.

Konvoi bermula dari pejabat Majlis Perbandaran Dungun dan seterusnya ke Hulu Terengganu, Felda Aring, Gua Musang, Lojing dan akhirnya dijangka tiba di Tanah Tinggi Cameron pada jam 4 petang.

Majlis pelepasan konvoi disempurnakan oleh Yang Dipertua Tuan Haji Lizan bin Che Mat. Turut hadir pada majlis pelepasan adalah Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun merangkap Pengerusi KESUMA; Encik Fadli Yusof bin Haji Zakaria dan Ketua Biro Sukan KESUMA; Encik Ahmad Faisal Ishtiyahq Ahmed.



MAJLIS PELANCARAN BUKU GARIS PANDUAN (SPRM)



MESYUARAT AGUNG KESUMA

TERENGGANU GO Clean

April 20 · Gotong Royong Terengganu Go Clean 2019

Program Gotong Royong Terengganu Go Clean 2019 Peringkat Daerah Dungun dihadiri 1,966 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan dan juga orang awam hari ini.

Sebanyak lima buah pantai dijadikan lokasi untuk program ini iaitu di Pantai Teluk Lipat, Pantai Teluk Bidara, Pantai Batu Pelanduk, Pantai Teluk Gadung dan Pantai Paka.

Program ini dirasmikan oleh YB Parlimen Dungun; Ustaz Wan Hassan bin Mohd Ramli dan telah menyempurnakan gimik dengan menanam anak pokok rhu di sekitar Pantai Teluk Lipat.

"Program gotong royong ini sekaligus dapat memastikan persekitaran dan keadaan tempat pelancongan serta kawasan tumpuan awam berada dalam keadaan bersih.

"Selain itu, aktiviti ini juga dapat memperkukuhkan hubungan jabatan Kerajaan dengan masyarakat dalam mewujudkan persekitaran yang bersih dan ceria, disamping dapat meningkatkan kesedaran kepada komuniti setempat tentang kebersihan," katanya dalam ucapan perasmian di perkarangan Medan Selera Pantai Teluk Lipat.

Turut hadir YB Sura; Wan Hapandi Wan Nik, Pegawai Daerah Dungun; Tuan Haji Rosdi bin Awang, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun; Tuan Haji Lizan bin Che Mat, Ketua Polis Daerah Dungun; Supt Baharuddin bin Abdullah dan Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan; Shohaimi bin Md. Sani.

Antara pengisian program yang diadakan adalah pertandingan mengumpul sampah terberat untuk pelajar sekolah-sekolah di sekitar Dungun. SK Sultan Omar telah muncul juara dengan kutipan sampah sebanyak 80 kilogram, diikuti SJK(C) Kwang Hwa dengan kutipan sampah sebanyak 79 kilogram, dan SK Sura sebanyak 35 kilogram.

Program gotong royong Terengganu Go Clean 2019 diadakan serentak pada hari ini di setiap daerah di negeri Terengganu dan akan dicatat dalam The Malaysia Book of Records bagi Penyertaan Teramai Bagi Program Pembersihan Pantai Secara Serentak.

Perasmian bagi peringkat Negeri Terengganu telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Terengganu di Pantai Teluk Ketapang.





OPERASI MEMBUANG BANNER HARAM

Sebanyak 1,424 iklan haram telah diturunkan dalam operasi selama dua jam yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Dungun (MPD) secara besar-besaran di sekitar pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Yang Dipertua MPD; Tuan Haji Lizan bin Che Mat berkata operasi yang membabitkan 40 anggota MPD dibantu Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun itu dilakukan untuk membanteras pemasangan iklan haram terutamanya iklan pinjaman wang haram yang semakin berleluasa di daerah ini.

"Sasaran utama operasi ini dilakukan adalah untuk menurunkan iklan tanpa kelulusan, pinjaman wang berlesen dan tamat tempoh di tiang-tiang lampu dan persimpangan.

"Kami juga ingin mengingatkan orang ramai terutamanya peniaga agar tidak terjebak dengan sindiket pinjaman wang haram yang sentiasa menindas peminjamnya," katanya selepas selesai operasi tersebut pada jam 11.30 pagi tadi.

MPD telah menurunkan sebanyak 8,465 iklan haram pada tahun lepas dan sehingga hari ini, sebanyak 5,040 iklan haram telah diturunkan bagi tahun 2019.

Turut hadir dalam operasi tersebut adalah Ahli-Ahli Majlis; Tuan Haji Norulalzahar Bin Haji Ali, Harun Bin Salim, Hassan Bin Mansor, Hasan bin Abd Aziz dan Naraza Bin Muda serta Ketua Polis Daerah Dungun; Supt. Baharudin bin Abdullah.

MAJLIS PELANCARAN PASAR TANI PRA SYAWAL



KURSUS MANUAL MANUAL KEBERSIHAN TANDAS AWAM ZON



PROGRAM SEPANJANG RAMADHAN



PROGRAM SINGGAH SAHUR



TAZKIRAH USTAZ JAMALUDDIN BIN JUSOH





30.05.2019
CERAMAH UAI
(INTEGRITI PENJAWAT AWAM)



02.06.2019
ZIARAH RAMADHAN

25.06.2019

PERJUMPAAN TUAN YDP BERSAMA PENGUSAHA HOMESTAY AN YANG DAN RUMAH TUMPANGAN DAERAH

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN





April 10 ·

Pasukan MPD FC telah menewaskan pasukan Dungun Cops FC 1 — 0 dalam perlawanan persahabatan di Padang Arena Merdeka, hari ini.

MPD FC terdiri daripada ahli-ahli Kelab Sukan & Kebajikan (KESUMA) Majlis Perbandaran Dungun melawan pasukan Dungun Cops FC yang terdiri daripada pegawai dan anggota polis Dungun.

Turut hadir adalah Pengerusi KESUMA merangkap Setiausaha MPD; Fadli Yusof bin Haji Zakaria dan Ketua Balai Polis Daerah Dungun; Tuan Kamarul bin Saleh.

Fadli Yusof berkata, perlawanan bola persahabatan ini adalah antara persiapan KESUMA untuk Kejohanan 9 Sebelah Piala Yang Dipertua MPD Terbuka Dungun yang akan diadakan pada bulan Jun.

"InsyaAllah Kejohanan 9 Sebelah Piala Yang Dipertua MPD Terbuka Dungun akan dianjurkan tidak lama lagi dan kami mengalu-alukan penyertaan orang ramai bagi mengeratkan hubungan di antara MPD dan masyarakat.

"Saya yakin beberapa perlawanan persahabatan yang disertai ini akan mampu meningkatkan kemahiran pemain dan mengenal pasti segala kelemahan pemain yang boleh diperbaiki.

"Perlawanan ini adalah antara inisiatif KESUMA untuk memberi ruang kepada ahli-ahli mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu permainan bola sepak di daerah ini khususnya dalam kalangan pemain di peringkat akar umbi," katanya selepas perlawanan berakhir tadi.

Dungun Cops FC pula mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dengan agensi Kerajaan & swasta seperti Pejabat Pendidikan Daerah Dungun, Majlis Perbandaran Dungun, Pos Malaysia Daerah Dungun dan lain-lain sebagai salah satu program kepolisan komuniti bagi merapatkan lagi hubungan antara masyarakat dan PDRM.



SAMBUTAN ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULAN APRIL DAN MEI

&

HARI RAYA 2019

SELAMAT HARI RAYA

Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin



JAMUAN RAYA PERDANA 2019



GOTONG ROYONG

DI MEDAN SELERA IKAN BAKAR

25.04.2019



LATIHAN KEBAKARAN

28.04.2019



Laklimat PJ

28.05.2019





**OPERASI PENGENDALIAN MAKANAN
DI BAZAR SURA GATE
08.05.2019**




**OPERASI PENGESAHAN LESEN
06.01.2019**



Permata MPPD

Januari - Mei 2019



Muhammad Aryan Daniel bin Saiful Bahari
Amira Suranie binti Mohd Azmi Saiful Bahari bin Ismail



Muhammad Edruce Shafwan Bin Suhaimi
Ennie Harnita binti Mohd Abdul Rahman Suhaimi Bin Muda



Nur Syafia Rizqien Binti Azizul
Suhaidatul Salma binti Dawi Azizul Bin Azhar



Muhammad Iman Ramadhan Rizq Bin Ahmad Tarmizi
Nuraini Binti Yusof Ahmad Tarmizi bin Ghazali



Dhuha Ainul Mardiah Binti Muhamad Aizat
Rafidah binti Jusoh Muhamad Aizat bin Samsudin



Muhammad Izz Rayyan
Zuraidah binti Shafii Mohamad Hairril Azraff bin Che Juha



Arif Fahmi bin Mohd Yusoff
Norulaini binti Mohd Nor Mohd Yusoff bin Hussin



Nur ayesha Elhabashy binti Muhamad Aizuddin
Nurul Muhaijah Alhana binti Shahri Muhammad Aizuddin bin Hashim



Muhammad Aureez Al Zayydan
Nurul Akmal Ab.Ghani Mohd Afzanizam Bin Sulaiman



Muhammad Adzriel Rafif bin Mohd Fadhillah
Najmi Laili binti Mohd Muda Mohd Fadhillah bin Mohd Sarif

بَارَكَ اللهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ، وَشَكَرْتَ
الرَّاهِبَ، وَبَلَغَ أَشُدَّهُ، وَرَزَقْتَ بِهِ.

Semoga Allah memberkat engkau dengan kelahiran anak ini dan engkau pula mensyukuri Pemberinya, semoga dia dipelihara hingga dewasa dan engkau mendapat layanan yang baik daripada anak ini.

Tahniah di atas kelahiran cahaya mata

Warga Pejabat Majlis Perbandaran Dungun merakamkan sekalung tahniah yang telah menyambut kelahiran cahaya mata pada Januari - Mei

